Sektor Perbankan

57 Prestasi Sektor Perbankan
60 Pembangunan Sektor Perbankan
63 Rangka Kerja Pengawalseliaan dan Penyeliaan
68 Kerjasama Serantau dan Antarabangsa
71 *Rencana: AKPK – Memajukan Budaya Kewangan yang Berhemat*

Sektor Perbankan

PRESTASI SEKTOR PERBANKAN


Sektor perbankan terus mengekalkan kedudukan kewangan yang kukuh pada tahun 2017, disokong oleh tadbir urus dan pengurusan risiko yang mantap. Keuntungan yang lebih tinggi dalam keadaan kualiti aset yang kukuh menyumbang kepada kedudukan modal yang lebih teguh. Persekitaran pendanaan yang stabil pada tahun 2017 membolehkan bank terus menyokong keperluan kewangan sektor perniagaan dan isi rumah.

Modal yang kukuh dan pendanaan yang stabil terus menyokong keperluan kewangan ekonomi

Industri perbankan, termasuk perbankan Islam, mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM36.2 bilion pada tahun 2017 (2016: RM32.2 bilion). Pendapatan faedah/kewangan bersih meningkat 7.8% (2016: 1.9%), berikutan pertumbuhan perbelanjaan faedah/kewangan yang lebih perlahan sebanyak 1.2% (2016: 4.7%) hasil daripada persaingan untuk deposit yang berkurangan. Bahagian deposit permintaan yang lebih tinggi (2017: 22.1%; 2016: 21.6% daripada jumlah deposit) turut menyumbang kepada kos pendanaan bank yang lebih rendah. Hasilnya, margin faedah/kewangan kasar meningkat sebanyak empat mata asas kepada 2.11% daripada aset berkaitan faedah/kewangan (2016: 2.07%) (Rajah 2.1). Perolehan keseluruhan juga terus meningkat berikutan pendapatan berasaskan fi yang lebih tinggi daripada aktiviti berkaitan pembiayaan (contohnya, komitmen kredit) dan aktiviti pembrokeran saham yang aktif berikutan keadaan pasaran ekuiti domestik yang kukuh. Pendapatan berasaskan fi mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 12.5% pada tahun 2017 selepas mengalami pertumbuhan negatif selama dua tahun berturut-turut (2016: -3.1%; 2015: -4.2%). Susulan pemulihan yang kukuh ini, bahagian pendapatan berasaskan fi sebagai peratusan daripada pendapatan kasar meningkat kepada 15.2% (2016: 14.6%).

Rajah 2.1: Sistem Perbankan – Margin Faedah Kasar dan Bersih

Margin faedah kasar dan bersih meningkat sedikit



Sumber: Bank Negara Malaysia

Produktiviti sektor perbankan meningkat berikutan automasi dan kecekapan proses yang bertambah baik. Keuntungan sebelum cukai bagi setiap pekerja meningkat 12.5% pada tahun 2017 kepada RM305,165 setiap pekerja meskipun kos kakitangan lebih tinggi (2017: 7.1%; 2016: -6%). Hal ini adalah berikutan usaha bank dalam mengekalkan dan mengambil pekerja berkemahiran tinggi dalam pasaran pekerjaan yang berdaya saing. Bank-bank juga membelanjakan jumlah yang lebih besar untuk meningkatkan kemahiran tenaga kerja berikutan perubahan persekitaran operasi dan peningkatan penggunaan teknologi. Ini dapat dilihat melalui pertumbuhan kos latihan yang lebih tinggi iaitu 16.7% pada tahun 2017 (2016: 3.8%). Secara keseluruhan, purata pulangan atas ekuiti dan aset, masing-masing meningkat kepada 13% dan 1.5% (2016: 12.5% dan 1.3%).

Tahap modal bank-bank terus kukuh. Perolehan yang tinggi, dan dasar pelaburan semula perolehan yang pada amnya konservatif, telah membolehkan sektor perbankan membina penampan yang kukuh.

Pada akhir tahun 2017, semua bank mencatat nisbah modal yang jauh lebih tinggi daripada keperluan minimum yang ditetapkan (Jadual 2.1, Rajah 2.2), termasuk modal pemeliharaan penampan (capital conservation buffer, CCB) sebanyak 2.5% yang hanya akan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2019. Selain itu, lebih 80% daripada jumlah modal sektor perbankan berkualiti tinggi, iaitu dalam bentuk ekuiti, perolehan tertahan dan rizab. Modal Kumpulan 1 berkembang sebanyak RM5.4 bilion (2.5%), didorong terutamanya oleh pelaburan semula dividen dan suntikan modal. Penampan modal (termasuk CCB) sektor perbankan pada keseluruhannya juga bertambah kukuh sebanyak 8.3% kepada RM134.8 bilion (2016: 0.2%, RM124.5 bilion).

Penyata kedudukan kewangan sektor perbankan berkembang 4.3% pada tahun 2017. Pada separuh pertama tahun 2017, pemegangan Sekuriti Kerajaan Malaysia oleh industri perbankan telah melonjak sebanyak 29.4% dan memberikan sokongan kepada pasaran bon tempatan ketika berlakunya aliran keluar modal oleh bukan pemastautin (rujuk bahagian 'Risiko Pasaran' dalam Bab 'Perkembangan Risiko dan Penilaian Kestabilan Kewangan pada Tahun 2017'). Menjelang akhir tahun 2017, pemegangan bon tersebut oleh industri perbankan menurun sedikit kepada RM168.6 bilion (2016: RM147.8 bilion). Mencerminkan anjakan kepada aset berisiko rendah, aset berwajaran risiko yang dipegang oleh industri perbankan meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 0.7% pada tahun 2017 (2016: 1.7%). Nisbah kepadatan aset berwajaran risiko (aset berwajaran risiko sebagai bahagian daripada jumlah aset) juga menurun kepada 60.9% (2016: 63.1%). Namun begitu, nisbah leveraj (seperti yang dilaporkan oleh bank-bank semasa tempoh pemerhatian) tidak berubah, iaitu lebih dua kali tahap minimum 3% yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2018.

Jumlah pembiayaan terkumpul bank meningkat pada kadar sederhana sebanyak 4.1% pada tahun 2017 (2016: 5.3%) (Rajah 2.3). Angka ini mencerminkan pertumbuhan lebih perlahan sebanyak 1.8% dalam pembiayaan terkumpul sektor perniagaan, yang mengimbangi peningkatan stabil dalam pembiayaan kepada isi rumah pada 5.1%. Bagi perniagaan besar, jumlah pembayaran balik melebihi pengeluaran pinjaman berikutan perolehan perniagaan yang lebih tinggi menggalakkan perniagaan besar mengurangkan peminjaman untuk modal kerja. Pertumbuhan pembiayaan terkumpul yang sederhana juga didapati berlaku dalam kebanyakan industri dalam sektor perniagaan.

Jadual 2.1


Sistem Perbankan: Nisbah Modal pada Akhir Tahun

(% aset berwajaran risiko)	Minimum	2015	2016	2017
Nisbah Modal CET 1	4.5	13.3	13.1	13.3
Nisbah Modal Kumpulan 1	6.0	14.2	14.0	14.3
Nisbah Jumlah Modal	8.0	16.6	16.5	17.1
Nisbah Leveraj (Tempoh pemerhatian)	3.0	7.5	7.7	7.8

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.2: Sistem Perbankan – Nisbah Modal CET1

Bank-bank mengekalkan modal berkualiti tinggi




* Mempunyai operasi yang besar di Malaysia

Nota: Data pada akhir tahun 2017
Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 2.3: Sistem Perbankan – Pertumbuhan Pembiayaan Terkumpul

Pembiayaan bank meningkat dengan sederhana



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kemudahan Bantuan Bencana untuk PKS

- Pada 7 November 2017, Bank melancarkan Kemudahan Bantuan Bencana berjumlah RM500 juta untuk meringankan beban kewangan dan membantu memulihkan aktiviti perniagaan PKS yang terjejas akibat banjir di Malaysia. Perniagaan yang layak boleh mendapatkan pembiayaan sehingga RM500,000 pada kadar 2.25% setahun, mulai 8 November 2017 sehingga 31 Mei 2018.
- Pada akhir bulan Februari 2018, lebih 180 permohonan daripada PKS yang berjumlah kira-kira RM58 juta telah diluluskan. Institusi kewangan juga secara proaktif telah membantu 353 PKS yang terjejas dengan obligasi hutang sebanyak RM154 juta, menerusi penangguhan pembayaran balik pinjaman serta penstrukturan dan penjadualan semula kemudahan kredit.

Pembiayaan yang diberikan oleh industri perbankan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berkembang sebanyak 6% pada tahun 2017 (2016: 9.5%). Pertumbuhan pembiayaan kepada PKS yang lebih perlahan dalam sektor pembinaan dan harta tanah mencerminkan keadaan pasaran harta tanah yang lebih sederhana. Ini menyumbang kepada pertumbuhan pembiayaan keseluruhan PKS yang lebih perlahan pada tahun 2017. Bank-bank terus menyokong keperluan pembiayaan PKS. Pada tahun 2017, kira-kira 104,000 permohonan pembiayaan oleh PKS telah diluluskan bank, lantas mengekalkan kadar kelulusan sebanyak kira-kira 77% (2016: 77.3%). Bahagian pembiayaan PKS meningkat kepada kira-kira 53% daripada jumlah pembiayaan perniagaan oleh sektor perbankan pada akhir tahun 2017 (2016: 51%). Pada bulan Jun 2017, Bank Negara Malaysia (Bank) menggabungkan empat skim pembiayaan khusus untuk PKS (iaitu Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2, Tabung Usahawan Baru 2, Tabung untuk Makanan dan Tabung Perusahaan Mikro) menjadi satu dana omnibus yang dikenali sebagai Tabung BNM untuk PKS dengan jumlah peruntukan sebanyak RM10.1 bilion. Langkah ini bertujuan mengoptimumkan penggunaan dana yang sedia ada untuk memenuhi permintaan PKS yang berubah-ubah. Sejak penubuhannya, kira-kira RM30 bilion daripada dana omnibus ini telah disalurkan kepada lebih 75,000 PKS untuk modal kerja dan pengembangan perniagaan. Bank juga menambah baik ciri Tabung BNM untuk PKS bagi membantu PKS yang tidak mempunyai rekod prestasi atau cagaran. Selain itu, pusat akses kepada dana ini dikembangkan dengan menambah penyertaan daripada institusi kewangan.

Pembiayaan sektor perbankan kepada sektor isi rumah kekal pada kadar pertumbuhan tahunan 5.1% pada tahun 2017 (2016: 5.3%). Pembiayaan didorong terutamanya oleh pembelian harta kediaman yang meningkat 9% (2016: 9.4%), manakala pertumbuhan pembiayaan untuk kredit kepenggunaan (pembelian kenderaan, pembiayaan peribadi, kad kredit dan pembelian barangan pengguna tahan lama) adalah tidak ketara. Peminjam yang layak terus mendapat akses kepada pembiayaan perumahan dengan kadar kelulusan yang melebihi 70% sejak beberapa tahun lepas.

Kualiti aset pinjaman sektor perbankan kekal utuh sepanjang tahun 2017. Penambahbaikan berterusan terhadap amalan pengurusan risiko oleh industri perbankan telah mengekalkan tahap delinkuensi dan jejas nilai pada paras yang rendah. Pada tahun 2017, delinkuensi, yang diukur sebagai pinjaman tertunggak antara satu hingga tiga bulan, berkurang sedikit kepada 2.1% (2016: 2.2%) daripada jumlah pinjaman bank. Jumlah pinjaman terjejas (ditolak peruntukan jejas nilai individu) juga menurun sebanyak RM104.3 juta untuk mencakupi 1.1% daripada jumlah pinjaman ditolak peruntukan jejas nilai individu pada akhir tahun 2017 (2016: 1.2%). Paras peruntukan bank kekal mencukupi dengan nisbah perlindungan kerugian pinjaman (termasuk rizab pengawalseliaan) pada 114.8% (2016: 112.1%).

Langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan kemampuan pembiayaan telah membantu mengekalkan nisbah jejas nilai dan nisbah delinkuensi sektor isi rumah pada tahap yang rendah, masing-masing pada 1% dan 1.4% daripada jumlah pinjaman isi rumah (2016: masing-masing pada 1.1% dan 1.4%). Bagi sektor perniagaan, terdapat kemerosotan kualiti kredit dalam dedahan berkaitan sektor minyak dan gas pada tahun 2017. Jejas nilai keseluruhan bagi portfolio sektor perniagaan kekal rendah pada 2.5% daripada jumlah pinjaman perniagaan (2016: 2.5%). Amalan pengurusan risiko yang lebih teguh oleh industri perbankan, dalam keadaan ekonomi dan pasaran pekerjaan yang lebih menggalakkan, terus menyokong prestasi pinjaman keseluruhan. Ini ditunjukkan oleh margin faedah/kewangan bersih bank (margin faedah/kewangan kasar ditolak peruntukan jejas nilai dan kos operasi) yang bertambah baik kepada 71 mata asas (2016: 60 mata asas) (Rajah 2.1).

PEMBANGUNAN SEKTOR PERBANKAN

Inisiatif yang dilaksanakan di bawah Pelan Induk Sektor Kewangan (2001– 2010) dan Pelan Sektor Kewangan (2011– 2020) telah meletakkan sektor perbankan pada kedudukan yang lebih kukuh untuk menyokong keperluan ekonomi. Sektor perbankan kini lebih berdaya tahan, disokong oleh institusi-institusi yang kukuh. Persaingan yang lebih sengit juga telah menjadikan sistem perbankan lebih cekap.

Sejajar dengan peralihan Malaysia kepada ekonomi bernilai tambah tinggi dan berpendapatan tinggi, sektor perbankan akan terus memainkan peranan penting untuk menyokong peralihan ini. Oleh itu, inisiatif yang sedang, dan akan dijalankan tertumpu pada: (i) meluaskan jangkauan perkhidmatan kewangan untuk mewujudkan akses yang lebih bermakna kepada segmen penduduk yang lebih luas; (ii) menawarkan perkhidmatan pembiayaan yang inovatif untuk PKS; dan (iii) memanfaatkan teknologi untuk memacu inovasi dan meningkatkan kecekapan.

Meningkatkan rangkuman kewangan

Berlandaskan momentum pelaksanaan inisiatif rangkuman kewangan dalam beberapa tahun yang lalu, kemajuan seterusnya dicapai pada tahun 2017 untuk meningkatkan akses yang inklusif kepada perkhidmatan perbankan pada kos yang berpatutan untuk semua segmen penduduk Malaysia (Gambar Rajah 2.1).

Bank terus menggiatkan usaha untuk meningkatkan pemilikan akaun bank dan penggunaan perkhidmatan perbankan formal oleh orang ramai. Usaha ditumpukan pada: (i) meluaskan jangkauan dan perkhidmatan perbankan ejen di kawasan yang tiada perkhidmatan perbankan; (ii) memperkenal kelompok tanpa tunai bagi menggalakkan e-pembayaran sebagai langkah untuk memasukkan komuniti yang tidak mempunyai akses kepada perkhidmatan perbankan ke dalam sistem kewangan yang formal; dan (iii) menggalakkan produk kewangan mikro (Gambar Rajah 2.2).

Tumpuan diberikan pada penambahan pemilikan akaun bank dan penggunaan perkhidmatan perbankan formal untuk meningkatkan rangkuman kewangan

Pada tahun 2017, Bank juga menerokai penggunaan teknologi geospatial dan pengimejan satelit untuk menambah baik pengenalpastian dan pemantauan pusat akses kewangan di Malaysia. Pada bulan Disember 2017, Bank memeterai Memorandum Persefahaman (Memorandum of Understanding, MoU) dengan Agensi Remote Sensing Malaysia, sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi untuk bekerjasama secara rasmi dalam bidang ini. Dengan menggunakan pengesanan jarak jauh dan teknologi Sistem Maklumat Geografi (Geographical Information System), sebuah pangkalan data berpusat dan portal dalam talian akan ditubuhkan. Ini membolehkan automasi pemetaan dan akses kepada maklumat mengenai semua pusat akses kewangan dalam negara dibuat menerusi pengimejan satelit. Pada masa hadapan, keupayaan analisis geospatial untuk merangkumkan maklumat seperti sempadan pentadbiran, demografi, infrastruktur dan topografi dijangka dapat meningkatkan lagi usaha institusi kewangan untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan kewangan. Selain itu, aplikasi mudah alih yang disokong GPS akan membolehkan orang ramai mencari pusat akses kewangan yang terdekat dengan mudah (Gambar Rajah 2.3).

Gambar Rajah 2.1

Penunjuk Rangkuman Kewangan Terpilih

10,454	pusat akses kewangan, menyediakan perkhidmatan kepada 99% penduduk Malaysia
96.2%	mukim dengan sekurang-kurangnya 2,000 penduduk mempunyai akses kepada perkhidmatan perbankan asas
7,193	pusat akses kewangan disediakan oleh ejen bank berdaftar
31,044	akaun simpanan dibuka melalui ejen bank berdaftar
136.7 juta	urus niaga kewangan dengan ejen bank berdaftar, berjumlah RM11.4 bilion

Nota: Data pada akhir tahun 2017
Sumber: Bank Negara Malaysia

Pendigitalan perkhidmatan kewangan

Sektor perbankan terus memanfaatkan penggunaan platform elektronik pada tahun 2017 untuk meningkatkan kecekapan dan nilai tambah perkhidmatan kewangan yang ditawarkan kepada pengguna. Pada tahun 2017, platform digital dan pusat *e-touch* dimanfaatkan untuk meningkatkan kecekapan dan kemudahan dalam penawaran produk dan perkhidmatan kewangan untuk PKS. Melalui kerjasama dengan Bank dan industri kewangan, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad

Gambar Rajah 2.2

Meningkatkan Pemilikan Akaun Bank dan Penggunaan Perkhidmatan Perbankan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 2.3

Manfaat Aplikasi Analisis Geospatial



Sumber: Bank Negara Malaysia

membangunkan imSME, iaitu platform rujukan pembiayaan PKS yang pertama di Malaysia. Platform tersebut menyediakan pusat akses dalam talian setempat untuk PKS mendapatkan khidmat pembiayaan dan bantuan secara berstruktur. Platform yang dilancarkan pada bulan Februari 2018 tersebut memadankan keperluan pembiayaan PKS dengan produk pembiayaan yang sesuai daripada pelbagai institusi dan dana dengan lancar lagi cekap. Permohonan yang tidak dapat dipadankan atau ditolak akan dirujuk kepada Pasukan Penasihat Kewangan imSME, yang menyediakan bantuan berstruktur kepada PKS untuk meningkatkan kelayakan pembiayaan mereka pada masa hadapan serta menghubungkan mereka dengan penyedia perkhidmatan kewangan alternatif (Gambar Rajah 2.4). Ini akan memudahkan lagi proses untuk mendapatkan pembiayaan bagi PKS. Sehingga kini, 15 institusi (bank dan institusi kewangan pembangunan) telah menyertai platform imSME untuk menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan.

Satu lagi inisiatif penting untuk meningkatkan akses orang ramai kepada maklumat kewangan ialah pelancaran eCCRIS pada 19 Januari 2018. eCCRIS merupakan platform dalam talian untuk individu dan perniagaan mengakses rekod kredit mereka yang lalu. Sebelum pelancarannya, peminjam hanya boleh mendapatkan laporan peribadi Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (Central Credit Reference Information System, CCRIS) daripada cawangan Bank dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit. Menerusi inisiatif ini, peminjam kini boleh mendapatkan sendiri maklumat kredit mereka dengan cepat dan mudah pada bila-bila masa melalui laman sesawang eCCRIS. Inisiatif ini melengkapkan lagi usaha ke arah memupuk budaya kredit yang baik dengan memperkasakan peminjam untuk memantau dan memelihara kedudukan kredit mereka secara aktif. eCCRIS juga menyokong permintaan langsung daripada peminjam untuk mengemas kini maklumat CCRIS mereka dalam persekitaran yang selamat. Lebih 42,000 individu dan perniagaan telah mendaftar untuk mendapatkan akaun eCCRIS setakat 7 Mac 2018.

Gambar Rajah 2.4

imSME, Platform Pembiayaan PKS dalam Talian



Sumber: Bank Negara Malaysia

Menjadikan sektor perbankan lebih profesional

Industri perbankan terus menunjukkan komitmen yang tinggi untuk memperkukuh standard profesional tenaga kerjanya. Menjelang akhir tahun 2017, sebanyak 199 pegawai pengurusan kanan dan pengarah telah mendaftar untuk mengikuti program *Chartered Banker* yang diperkenalkan oleh Asian Institute of Chartered Bankers (AICB). Program yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa ini menggabungkan teori dan amali untuk melengkapkan tenaga kerja sektor perbankan dengan standard profesionalisme tertinggi. Pada akhir tahun 2017, lebih 5,100 kakitangan baharu dalam sektor kewangan telah menamatkan pengajian modul etika yang diwajibkan.

Pada tahun 2017, usaha juga ditumpukan ke arah meningkatkan kecekapan teknikal dalam sektor perbankan. Bermula bulan Januari 2018, kakitangan yang melaksanakan fungsi tugasan kritikal dikehendaki mendapatkan kelayakan khusus melalui program yang ditawarkan oleh AICB. Kelayakan ini adalah dalam bidang kredit, pematuhan, pengurusan risiko, audit dan Pencegahan Pengubahan Wang Haram/Pembanterasan Pembiayaan Keganasan. Usaha ini akan mengukuhkan lagi reputasi kerjaya dalam sektor perbankan, yang disokong oleh tahap profesionalisme dan kompetensi yang tinggi dalam amalan dan operasi perbankan (rujuk rencana bertajuk 'Sektor Kewangan: Keadaan Guna Tenaga dan Penyediaan Tenaga Kerja untuk Masa Hadapan').

Meningkatkan peranan institusi kewangan pembangunan (IKP)

Sejak penubuhannya, IKP terus menyokong sektor-sektor utama yang mempunyai kepentingan strategik kepada ekonomi dan bertindak sebagai penggerak utama untuk memajukan objektif sosioekonomi negara. Pembiayaan telah disalurkan ke dalam sektor keutamaan, terutamanya pertanian, PKS, maritim, infrastruktur, industri berorientasikan eksport, serta industri berintensif modal dan berteknologi tinggi. IKP juga menyediakan khidmat nasihat dan bantuan teknikal untuk menghasilkan pembangunan yang mampan dalam sektor-sektor strategik yang telah dikenal pasti.

Antara tahun 2008 hingga 2017, jumlah pembiayaan terkumpul oleh IKP mencatat kadar pertumbuhan tahunan purata 9%. Keperluan pembiayaan sektor keutamaan ini telah dipenuhi melalui pelbagai skim dan program pembiayaan. Contohnya, skim pembiayaan IKP yang diperkenalkan sejak tahun 2015 untuk menggalakkan pemilikan rumah mampu milik. Pada tahun 2017, skim ini diperluas untuk memenuhi bukan sahaja keperluan komuniti belia dan petani, tetapi juga kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40).

Pada akhir tahun 2017, jumlah pembiayaan skim ini mencecah RM1.5 bilion, sekali gus memanfaatkan hampir 7,000 keluarga. Bagi sektor pertanian, program pembiayaan mikro telah dilancarkan pada bulan November 2017 untuk membiayai usahawan mikro berasaskan pertanian daripada kumpulan B40. Pada akhir tahun 2017, pembiayaan sebanyak RM5.1 juta telah disalurkan kepada lebih 1,000 akaun pembiayaan mikro berasaskan pertanian.

Memandangkan pentingnya peranan IKP dalam membangunkan dan menyokong mandat sosioekonomi negara, maka adalah perlu untuk mewujudkan satu rangka kerja pengukuran prestasi IKP yang melangkaui penunjuk prestasi kewangan tradisional seperti jumlah pembiayaan dan pertumbuhan pinjaman. Tumpuan yang lebih besar sebaliknya perlu diberikan pada langkah yang lebih meluas dalam menilai prestasi IKP secara kritikal. Sistem pengukuran prestasi yang lebih holistik adalah kritikal bagi mengukur impak pembangunan IKP terhadap ekonomi, masyarakat dan alam sekitar. Sistem ini seterusnya akan mengukuhkan kebertanggungjawaban IKP dalam melaksanakan mandatnya dan menyalurkan dana dan tenaga kerjanya kepada bidang yang memberikan impak pembangunan yang paling besar bagi kos sosial yang tertentu.

Rangka kerja pengukuran prestasi baharu sedang dilaksanakan untuk menilai dengan lebih baik impak IKP terhadap pembangunan

Untuk tujuan ini, Bank bekerjasama dengan pihak industri pada tahun 2017 untuk melaksanakan rangka kerja pengukuran prestasi yang komprehensif dan mantap untuk IKP. Matlamat rangka kerja ini adalah untuk menilai penunjuk pembangunan dan kewangan IKP dengan lebih baik, bagi mengukur sumbangan sosioekonomi IKP kepada ekonomi dan masyarakat. Penilaian ini merangkumi:

- sejauh mana kesan limpahan positif (atau negatif) yang dijana daripada pendanaan dan aktiviti perniagaan IKP kepada masyarakat seperti jumlah pekerjaan yang diwujudkan, peningkatan taraf hidup kumpulan berpendapatan rendah, serta tadbir urus dan pengurusan kewangan yang lebih baik bagi perniagaan yang disasarkan;
- keberkesanan IKP dalam memperluas pelaburan sektor swasta (melalui pinjaman, ekuiti atau jaminan) ke dalam bidang pertumbuhan baharu; dan
- sumbangan IKP kepada pembangunan dan pelaksanaan dasar Kerajaan yang berkaitan untuk menjadi pemangkin pertumbuhan sektor ekonomi yang disasarkan.

RANGKA KERJA PENGAWALSELIAAN DAN PENYELIAAN

Aktiviti pengawalseliaan dan penyeliaan pada tahun 2017 terus ditumpukan untuk memperkukuh daya tahan sektor perbankan, dan pada masa yang sama menyokong keperluan kewangan ekonomi. Usaha yang dilaksanakan adalah meluas, dengan tumpuan diberikan pada peningkatan piawaian tadbir urus dan amalan pengurusan risiko bank, serta pelaksanaan piawaian Basel III di Malaysia (Gambar Rajah 2.5).

Pelaksanaan piawaian Basel III

Pelaksanaan piawaian Basel III terus menjadi keutamaan pengawalseliaan Bank (Gambar Rajah 2.6). Piawaian ini bertujuan memperkukuh daya tahan bank dengan meningkatkan tahap dan kualiti modal pengawalseliaan, mengawal leveraj dan menambah baik pengurusan mudah tunai. Dalam melaksanakan piawaian Basel III, Bank menilai dengan teliti kesan operasi dan impak piawaian tersebut ke atas aktiviti pengantaraan dan pembangunan pasaran domestik. Ini bertujuan mengenal pasti dan menangani kemungkinan timbulnya kesan yang tidak diingini.

Pada bulan Disember 2017, Bank mengeluarkan piawaian Nisbah Leveraj (Leverage Ratio, LR) untuk bank. Melalui langkah penahan (backstop) yang mudah dan tidak berasaskan risiko, LR memperlengkap keperluan modal berasaskan risiko. Nisbah minimum sebanyak 3% mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 2018, sejajar dengan garis masa yang dipersetujui di peringkat antarabangsa. Seperti yang dijangka, peralihan ke arah mematuhi piawaian LR berjalan dengan lancar, dan semua bank telah memenuhi keperluan minimum 3% tersebut. Pada akhir tahun 2017, nisbah leveraj sistem perbankan berada pada 7.8%, di mana 94% daripada bank melaporkan nisbah LR sekurang-kurangnya pada 6% (2016: 7.7%; 94% daripada bank). Berikutan kedudukan modal yang kukuh, pelaksanaan LR dijangka tidak akan mengekang aktiviti pengantaraan atau memerlukan bank untuk mendapatkan modal tambahan.

Pada bulan September 2017, Bank mengeluarkan draf dedahan Nisbah Pendanaan Stabil Bersih

Gambar Rajah 2.5

Ringkasan Piawaian Kehematan Utama yang Dikeluarkan pada Tahun 2017

Nisbah Leveraj

- Langkah tidak berasaskan risiko untuk mengehadkan peningkatan leveraj yang berlebihan
- Paras minimum 3%, berkuat kuasa 1 Januari 2018

Ujian Tekanan

- Meningkatkan keperluan penilaian risiko yang lebih berdasarkan maklumat mencukupi dan berpandangan jauh, termasuk:
  - ujian tekanan berbilang tahun (tempoh minimum tiga tahun); dan
  - ujian tekanan berbalik untuk mengenal pasti risiko yang jarang-jarang berlaku (tail risks)

Risiko Kredit

- Draf dedahan ini memperkukuh keperluan pengaturan tadbir urus peringkat lembaga pengarah dan peranan pengurusan risiko dalam proses kelulusan kredit
- Meningkatkan piawaian anggaran kerugian kredit
- Memperkukuh pengurusan kredit luar biasa, tumpuan kredit, risiko negara dan risiko pindahan
- Memperkenalkan keperluan pengawasan risiko kredit untuk seluruh kumpulan


Nisbah Pendanaan Stabil Bersih

- Draf dedahan ini menggariskan piawaian mudah tunai yang memerlukan profil pendanaan yang stabil untuk menyokong operasi bank
- Nisbah minimum 100%
- Pelaksanaan tidak awal dari 1 Januari 2019

Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 2.6

Pelaksanaan Piawaian Basel III di Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kaedah Pengukuran Nisbah Leveraj (LR)

$$LR = \frac{\text{Modal Kumpulan 1}}{\text{Jumlah Dedahan LR}} \geq 3\%$$

Jumlah Dedahan LR ialah jumlah dedahan di dalam dan luar penyata kedudukan kewangan, dedahan derivatif dan dedahan urus niaga pembiayaan sekuriti

(Net Stable Funding Ratio, NSFR) dengan tempoh perundingan selama dua bulan. NSFR menghendaki bank-bank untuk mengekalkan tahap pendanaan stabil yang mencukupi berdasarkan profil aset dan obligasi luar penyata kedudukan kewangan mereka bagi tempoh setahun. Bank mencadangkan supaya NSFR tidak dilaksanakan sebelum 1 Januari 2019 setelah mengambil kira penambahbaikan operasi yang perlu dibuat sebelum pelaksanaannya dan penjujukan (sequencing) keseluruhan piawaian Basel III yang diperkenalkan secara berperingkat bagi sektor perbankan.

Berikutan maklum balas yang diterima daripada pihak industri semasa tempoh perundingan, Bank kini sedang menilai komponen NSFR tertentu, termasuk: (i) penyesuaian domestik yang wajar dibuat (contohnya, olahan obligasi luar penyata kedudukan kewangan); dan (ii) penjelasan lanjut yang diperlukan (contohnya, tentang aset-liabiliti yang saling bergantung). Penilaian impak yang berterusan serta perbincangan dan interaksi dalam bulan-bulan akan datang bertujuan memberi maklumat bagi memuktamadkan pendekatan pelaksanaan Bank. Bank berhasrat memuktamadkan piawaian itu pada separuh pertama tahun 2018.

Bank-bank yang mempunyai tahap NSFR semasa di bawah 100% perlu membuat pelarasan terhadap penyata kedudukan kewangan masing-masing. Berdasarkan perbincangan dan interaksi dengan pihak industri, pelarasan akan lebih melibatkan bahagian liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan. Walaupun perkara ini mungkin menyebabkan tekanan menaik ke atas kos pendanaan, penangguhan tarikh pelaksanaan memberikan masa tambahan kepada industri perbankan untuk mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mengimbangkan semula profil pendanaan mereka. Dengan ini, Bank menjangkakan bahawa impak yang mungkin timbul ke atas kos peminjaman akan lebih mudah untuk diurus. Pada akhir tahun 2017, nisbah NSFR purata industri perbankan (berdasarkan laporan tempoh pemerhatian) adalah pada 107.6%, di mana 76% daripada bank melaporkan tahap NSFR pada atau melebihi 100% (2016: 103.2%; 55% daripada bank).

Pelaksanaan komponen Basel III yang selanjutnya di Malaysia akan mengambil kira pengubahsuaian yang relevan bagi mencerminkan keadaan dan risiko domestik

Pada peringkat pengawalseliaan global, Kumpulan Gabenor Bank Pusat dan Ketua Penyeliaan (Group of Central Bank Governors and Heads of Supervision), iaitu badan pengawasan Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel (Basel Committee on Banking Supervision), telah mengesahkan pengawalseliaan Basel III yang selebihnya pada bulan Disember 2017 (Gambar Rajah 2.7). Pengesahan ini termasuk penangguhan tarikh semakan keperluan modal minimum bagi risiko pasaran kepada 1 Januari 2022 (sebelum ini ditetapkan pada tahun 2019). Penangguhan ini sejajar dengan tarikh pelaksanaan semakan piawaian modal bagi risiko kredit dan risiko operasi, sekali gus memberikan lebih banyak masa untuk menambah baik sistem dan infrastruktur yang diperlukan. Pada masa ini, masih terdapat komponen pembaharuan Basel III yang belum lagi dilaksanakan di Malaysia. Bersama-sama elemen pakej pembaharuan Basel III yang disahkan baru-baru ini, Bank dijangka merangka dan mengemukakan cadangan pelaksanaannya di Malaysia dalam tempoh beberapa bulan akan datang. Ini akan mengambil kira pengubahsuaian yang perlu bagi mencerminkan keadaan dan risiko domestik.

Menambah baik amalan pengurusan risiko kredit dan peruntukan

Bank telah memuktamadkan semakan piawaian Risiko Kredit pada bulan Januari 2018. Ini menggantikan garis panduan yang dikeluarkan pada tahun 2001. Piawaian tersebut menambah baik pelbagai aspek amalan pengurusan risiko kredit institusi kewangan yang diperlukan bagi mencerminkan perkembangan yang berlaku dalam tahun-tahun

Gambar Rajah 2.7

Elemen Pembaharuan Pengawalseliaan Basel III yang Belum Dilaksanakan

1 **Meningkatkan keteguhan dan kepekaaan kepada risiko bagi pendekatan standard untuk mengira:**


(a) Risiko Kredit;
(b) Risiko Pelarasan Penilaian Kredit; dan
(c) Risiko Operasi

2 **Mengurangkan penggunaan pendekatan model dalaman**

Menghentikan penggunaan pendekatan model dalaman untuk Risiko Pelarasan Penilaian Kredit dan Risiko Operasi

Had pada input tertentu yang digunakan untuk mengira modal di bawah pendekatan berasaskan penarafan dalaman untuk Risiko Kredit

3 **Had minimum output sebanyak 72.5% daripada aset berwajaran risiko bank menggunakan pendekatan standard**



4 **Keperluan Nisbah Leveraj lebih tinggi bagi bank yang penting dari segi sistemik pada peringkat global**

Sumber: Basel Committee on Banking Supervision

yang lalu (Gambar Rajah 2.5). Perkembangan ini termasuk mempelbagaikan produk yang ditawarkan, meningkatkan operasi merentas sempadan oleh institusi kewangan dan memperdalam pasaran modal domestik sebagai sumber pembiayaan alternatif, terutamanya bagi perniagaan besar. Keperluan di bawah piawaian yang disemak semula ini akan mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2018 bagi sektor perbankan, manakala tempoh peralihan yang lebih lama diberikan kepada penanggung insurans dan pengendali takaful yang akan melaksanakan piawaian tersebut buat kali pertamanya.

Piawaian ini, yang memerlukan penggunaan pendekatan anggaran kerugian kredit yang lebih canggih oleh institusi kewangan, turut menyokong pelaksanaan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia 9: Instrumen Kewangan (Malaysian Financial Reporting Standards 9: Financial Instruments, MFRS 9) yang mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2018. Pendekatan berpandangan jauh bagi peraturan jejas nilai baharu di bawah MFRS 9 memerlukan institusi kewangan membuat anggaran jangkaan kerugian kredit sepanjang tempoh kemudahan kredit, dengan mengambil kira perkembangan makroekonomi. Ini berbeza dengan MFRS 139, yang hanya mengambil kira peruntukan jejas nilai apabila terdapat bukti jejas nilai yang objektif (Gambar Rajah 2.8).

Walaupun peruntukan dijangka lebih tinggi di bawah MFRS 9, anggaran bagi magnitud impak terhadap perolehan dan modal bank-bank adalah dalam jangkaan Bank. Impak tersebut sebahagian besarnya akan dapat dikurangkan oleh keperluan rizab pengawalseliaan yang boleh digunakan oleh bank-bank untuk mengimbangi peningkatan dalam peruntukan. Hasilnya, meskipun peruntukan lebih tinggi, bank-bank terus mengekalkan tahap modal yang jauh melebihi paras pengawalseliaan minimum.

Setelah mengambil kira elemen subjektif MFRS 9 dan data yang terhad semasa tempoh awal pelaksanaannya, Bank memutuskan untuk mengekalkan keperluan rizab pengawalseliaan bagi tempoh sekurang-kurangnya dua tahun lagi mulai 1 Januari 2018. Industri perbankan juga dikehendaki memperhalus dan menyelaraskan semula

Semakan Utama Terhadap Piawaian Risiko Kredit Berikutan Maklum Balas Industri

- Peluasan skop langkah pengurangan risiko kredit yang boleh diterima bagi memastikan anggaran risiko kredit yang lebih tepat
- Fleksibiliti dalam pengaturan tadbir urus kredit yang bermasalah, setara dengan tahap masalah kredit
- Keperluan yang lebih jelas tentang fungsi semakan kredit secara bebas bagi memastikan aktiviti semakan selepas kelulusan terus berkesan

Gambar Rajah 2.8

Keperluan Peruntukan MFRS 9



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pengiraan Keperluan Rizab Pengawalseliaan yang Diselaraskan Semula

Peruntukan kerugian Peringkat 1 dan 2 serta rizab pengawalseliaan ≥ 1% daripada jumlah dedahan kredit*, setelah ditolak peruntukan kerugian Peringkat 3

* tidak termasuk dedahan kepada Kerajaan Malaysia, Bank Negara Malaysia, bank-bank dan IKP

model-model di bawah MFRS 9 bagi memastikan perubahan dalam kualiti kredit dan profil risiko dapat dikesan tepat pada masanya, dan peruntukan yang mencukupi seterusnya boleh dibuat untuk menjadi penampan sekiranya kualiti aset merosot.

Meningkatkan langkah berwaspada terhadap risiko operasi

Dedahan lebih tinggi kepada risiko operasi merupakan isu semasa dalam kalangan bank. Pada bulan Februari 2017, Bank untuk pertama kalinya menjalankan kaji selidik industri tentang Risiko Operasi Baru Muncul untuk mengkaji landskap risiko sektor perbankan di Malaysia. Ketua pegawai risiko bank telah berkongsi pelbagai perspektif terhadap risiko yang menjadi isu utama organisasi mereka. Butiran terperinci berdasarkan hasil kaji selidik tersebut telah dikongsi dengan industri menerusi laporan MYHORIZON pada bulan Januari 2018. Laporan tersebut juga memberikan pandangan menyeluruh mengenai kerugian sebenar yang dilaporkan pada tahun 2017. Ia juga membincangkan pelbagai tindakan dan langkah-langkah yang boleh dipertimbangkan oleh institusi kewangan untuk mengurangkan kerugian ekoran kejadian yang sama pada masa akan datang. Maklumat ini bertujuan memberikan pemahaman lebih mendalam mengenai perkembangan risiko baru muncul untuk dijadikan input oleh bank-bank apabila menambah baik rangka kerja pengurusan risiko operasi mereka. Setakat ini, semakin banyak bank-bank mengukuhkan fungsi risiko operasi dengan menambah baik pengurusan dan pengawasan risiko ini. Namun, usaha membangunkan bakat yang mempunyai set

Sektor Perbankan: Lima Risiko Operasi Paling Besar di Malaysia

1. Ancaman siber
2. Ketidakpatuhan keperluan pengawalseliaan
3. Penipuan dalam permohonan produk perbankan
4. Kesilapan manusia dalam melaksanakan tugas
5. Pelaporan tidak tepat atau tidak lengkap

kemahiran dan pengalaman yang diperlukan untuk menyokong penambahbaikan terhadap sistem dan kawalan terus menjadi agenda utama bank-bank.

Menggalakkan amalan perniagaan yang adil dan bertanggungjawab

Bank terus menumpukan usahanya untuk menggalakkan amalan perniagaan yang adil, bertanggungjawab dan profesional dalam kalangan bank dan pengeluar instrumen pembayaran. Bank-bank telah mencapai kemajuan yang ketara dalam mengukuhkan pengaturan tadbir urus dan kawalan dalaman mereka. Bank-bank juga terus meningkatkan kualiti perkhidmatan dan produk yang ditawarkan kepada pengguna, serta melindungi kerahsiaan maklumat pelanggan.

Pada tahun 2017, Bank menjalankan penilaian tematik terhadap: (i) kualiti penzahiran oleh bank-bank mengenai produk kewangan yang ditawarkan; (ii) amalan mengenakan fi dan caj kepada pelanggan; dan (iii) keberkesanan kawalan dalaman dalam melindungi maklumat pelanggan. Berdasarkan hasil penilaian tematik tersebut, Bank telah mengambil tindakan penyeliaan dan penguatkuasaan terhadap 35 buah bank dan pengeluar instrumen pembayaran. Ini termasuk perintah pemberhentian dan larangan (cease and desist orders) yang dikeluarkan kepada tiga institusi berkaitan pengenaan fi dan caj yang keterlaluan atau dilarang. Bank juga mengeluarkan arahan kepada 33 buah institusi supaya menambah baik penzahiran produk, serta mengukuhkan proses perlindungan maklumat pelanggan dan penyelesaian aduan pelanggan.

Mengurus budaya organisasi dan menangani risiko salah laku

Momentum membentuk nilai-nilai teras yang teguh dalam institusi kewangan terus meningkat pada tahun 2017. Berasaskan piawaian Tadbir Urus Korporat yang dikeluarkan pada tahun 2016, rangka kerja penyeliaan Bank telah diperkukuh untuk merangkumi tumpuan khusus pada budaya organisasi apabila menilai keselamatan dan keteguhan sesebuah institusi kewangan secara keseluruhannya. Sebahagian besar isu yang melanda institusi kewangan dapat ditangani dengan mewujudkan persekitaran operasi dan budaya organisasi yang lebih teguh dan beretika. Laporan MYHORIZON mencerminkan kepentingan budaya organisasi di mana 65% daripada kerugian yang dilaporkan adalah berkaitan dengan penipuan dalaman, ketidakpatuhan terhadap keperluan pengawalseliaan dan kelemahan operasi.

Bank Negara Malaysia akan memberi tumpuan yang lebih besar terhadap budaya dalam aktiviti penyeliaannya

Dalam menilai pendorong utama budaya organisasi (Gambar Rajah 2.9), Bank mengambil kira aspek-aspek kewangan dan bukan kewangan. Tumpuan penilaian penyeliaan oleh Bank mengambil kira model perniagaan dan struktur institusi kewangan, serta impak fungsi kawalan dan interaksi dalaman (antara lembaga pengarah dengan pengurusan kanan, dan antara pengurusan kanan dengan kakitangan) terhadap tingkah laku (Gambar Rajah 2.10).

Daripada pemerhatian terhadap aspek bukan kewangan bagi budaya organisasi (seperti pengambilan pekerja, pembangunan keupayaan tenaga kerja, pengurusan prestasi dan imbuhan, dan pendedah maklumat (whistleblowing)), industri perbankan juga didapati sedang meningkatkan usaha untuk memastikan kesanggupan mengambil risiko (risk appetite) serta dasar-dasar dalaman adalah mencerminkan nilai-nilai teras serta keupayaan institusi untuk mengambil dan mengurus risiko. Bank-bank juga terus menambah baik pelaksanaan rangka kerja ganjaran yang diselaraskan dengan risiko, contohnya, menerusi pengenalan bayaran ganjaran tertunda atau bayaran imbuhan berbilang tahun. Pada masa hadapan, Bank akan terus memberikan tumpuan terhadap budaya institusi kewangan dalam aktiviti penyeliaannya. Oleh itu, institusi-institusi kewangan dikehendaki menumpukan usaha ke arah memupuk budaya dan amalan yang teguh dalam organisasi mereka. Usaha tersebut perlu merangkumi: (i) penambahbaikan amalan pengurusan prestasi melalui penunjuk prestasi utama yang lebih seimbang; (ii) pengekalan saluran komunikasi yang berkesan untuk pendedah maklumat; dan (iii) pengukuhan proses saringan bagi pengambilan pekerja.

KERJASAMA SERANTAU DAN ANTARABANGSA

Kerjasama yang erat antara penyelia negara asal (home supervisor) dan penyelia negara tuan rumah (host supervisor) bank-bank terus menjadi keutamaan dalam menyokong aktiviti penyeliaan Bank pada tahun 2017. Pada bulan April 2017, Bank menandatangani MoU

Gambar Rajah 2.9


Pendorong Utama Budaya Organisasi Institusi Kewangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 2.10

Penilaian Penyeliaan Terhadap Budaya Organisasi Institusi Kewangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kerjasama Penyeliaan Perbankan dan Pembangunan Kewangan (Banking Supervision and Financial Development Cooperation) dengan Bank of Thailand. Kerjasama ini menyokong penyeliaan yang berkesan terhadap bank-bank yang beroperasi di Thailand dan Malaysia berikutan hubungan perdagangan dan pelaburan yang lebih rapat, serta aktiviti perbankan merentas sempadan yang lebih giat terutamanya di rantau Asia. Ia juga memudahkan kerjasama yang lebih erat bagi memastikan pembangunan yang mampan dan sektor kewangan berdaya tahan. Ini termasuk bidang penyeliaan terhadap amalan pasaran, perlindungan pengguna, rangkuman kewangan dan celik kewangan, serta membasmi kegiatan jenayah kewangan.

Pada tahun 2017, Bank menyertai mesyuarat forum penyeliaan (supervisory college) enam buah institusi kewangan asing yang beroperasi di Malaysia, dan turut menjadi tuan rumah mesyuarat seumpama itu bagi satu kumpulan perbankan domestik. Mesyuarat ini terus menjadi platform utama untuk bertukar-tukar isu yang menjadi kebimbangan utama penyelia dan penyelarasan aktiviti penyeliaan yang melibatkan kumpulan kewangan merentas sempadan. Perbincangan dan interaksi dua hala turut diadakan dengan Otoritas Jasa Keuangan pada bulan Julai 2017 dan Hong Kong Monetary Authority pada bulan Oktober 2017. Perbincangan dan interaksi tersebut meliputi penilaian tentang keadaan ekonomi dan kewangan di negara asal dan negara tuan rumah, perkongsian mengenai perkembangan rangka kerja penyeliaan, serta kebimbangan berkaitan isu semasa dan tindakan yang diambil untuk menangani risiko yang baru muncul. Inisiatif mengadakan perbincangan dan interaksi tersebut terus memainkan peranan penting dalam menyokong keupayaan Bank untuk mengenal pasti risiko yang boleh menjejaskan bank-bank Malaysia dan seterusnya mengambil tindakan yang tepat pada masanya, dengan kerjasama bank pusat dan pihak berkuasa penyeliaan yang lain.

AKPK – Memajukan Budaya Kewangan yang Berhemat

Oleh Sahara Hashim dan Ili Syazana

Pengenalan

Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 2006 untuk menyediakan khidmat nasihat dan bantuan kepada peminjam individu dalam mengurus kewangan mereka. Agensi ini telah menyumbang kepada sistem kewangan yang kukuh dan mantap dengan membentuk anggota masyarakat yang bijak dari segi kewangan melalui tiga perkhidmatan utamanya, iaitu: (i) kaunseling dan nasihat kewangan secara bertemu muka dengan peminjam tentang kemahiran menguruskan wang; (ii) program pengurusan hutang peribadi; dan (iii) pendidikan kewangan. Sejak AKPK ditubuhkan, lebih tiga juta orang telah mendapat manfaat daripada program dan inisiatifnya.

Rencana ini membincangkan kemajuan yang telah dicapai oleh AKPK dalam melaksanakan mandatnya untuk menggalakkan amalan kewangan berhemat, selain menerangkan profil peminjam yang mempunyai tahap hutang yang tinggi serta menggariskan keutamaan AKPK pada masa hadapan.

Ke Arah Kewangan Berhemat

Kaunseling dan khidmat nasihat kewangan

Sejak ditubuhkan, AKPK telah menyediakan kaunseling dan khidmat nasihat kewangan kepada 683,169 individu. Ini sejajar dengan matlamatnya untuk melengkapkan individu dengan keupayaan asas mengurus wang dengan bijak, agar mereka berbelanja mengikut kemampuan dan boleh mencapai matlamat kewangan. AKPK menyediakan kaunseling dan khidmat nasihat mengenai pengurusan wang yang praktikal secara percuma dan bertemu muka (one-to-one) dengan peminjam, agar dapat membantu mereka mengawal perbelanjaan dan hutang. Perkhidmatan ini disediakan melalui 11 cawangan AKPK, dan 18 pejabat kaunseling di seluruh negara melalui rangkaian cawangan bank perdagangan dan bank-bank Islam. Selain itu, AKPK memanfaatkan rakan strategiknya, termasuk agensi Kerajaan dan organisasi bukan kerajaan, untuk menawarkan khidmat kaunseling di tempat kerja.


Program Pengurusan Kredit

Daripada jumlah individu yang mendapatkan kaunseling dan khidmat nasihat kewangan AKPK, sebanyak 29% daripada mereka telah mendaftar untuk mengikuti Program Pengurusan Kredit (PPK). PPK merupakan program khusus untuk peminjam yang layak, dengan menyediakan penyelesaian kepada masalah kewangan mereka. Peminjam yang menyertai PPK ini secara keseluruhannya mempunyai hutang sebanyak RM21.7 bilion. Sehingga kini, 15,439 orang peminjam atau 8% daripada peserta PPK telah menyelesaikan semua hutang mereka dan berjaya menamatkan penyertaan dalam program ini. Kira-kira 60% daripada peserta PPK masih lagi meneruskan pembayaran balik hutang mereka secara aktif, manakala 32% lagi peserta telah menarik diri daripada PPK atau penyertaan mereka ditamatkan (Rajah 1). Antara sebab mereka menarik diri atau penyertaan mereka ditamatkan ialah mereka telah mempunyai keadaan kewangan yang lebih baik sekali gus membolehkan mereka menyelesaikan semua hutang atau menguruskan hutang mereka sendiri, kematian peserta, atau peserta tidak mampu membayar balik hutang secara konsisten.

Intervensi secara proaktif oleh AKPK memainkan peranan penting dalam membantu peserta PPK memenuhi dan meneruskan tanggungjawab membayar balik hutang mereka. Ini termasuk mengeluarkan peringatan awal kepada peserta untuk membuat pembayaran balik hutang, menawarkan program 'Peluang Kedua' untuk peminjam yang dijangka tidak mampu membayar hutang, serta memantau pembayaran hutang semua peserta baharu PPK pada tiga bulan pertama mereka menyertai PPK di bawah inisiatif 'Penjagaan Awal' untuk memupuk tabiat membayar balik hutang yang baik. Kesemua intervensi ini telah berjaya mengurangkan jumlah peserta yang ditamatkan daripada PPK, iaitu daripada 35% pada tahun 2016 kepada 25% pada tahun 2017. Selain itu, hutang tahunan yang dikutip oleh AKPK di bawah PPK telah meningkat dengan ketara kepada RM877 juta pada tahun 2017 (2007: RM21.7 juta). Daripada jumlah ini, lebih 80% telah dibayar oleh peminjam mengikut masa yang ditetapkan.

Rajah 1: Status Peserta PPK pada Akhir 2017

Kebanyakan peserta PPK giat membayar balik pinjaman



Sumber: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit

PPK juga mempunyai impak yang penting dalam mengurangkan kes muflis. Dianggarkan bahawa kira-kira 20% daripada peminjam yang mendaftar dengan PPK berada pada peringkat awal prosiding untuk diisytiharkan sebagai muflis atau lelongan (foreclosure) harta benda mereka. Sebaik sahaja peminjam mendaftar dengan PPK, institusi kewangan yang mengambil bahagian (participating financial institutions, PFI) akan memberi moratorium atas prosiding pengisytiharan muflis atau lelongan harta benda. Ini bagi membolehkan semua pihak yang terlibat mencapai persetujuan mengenai pelan pembayaran balik pinjaman. Langkah ini juga berjaya mengurangkan bilangan kes muflis yang dikendalikan oleh mahkamah.

PFI turut mendapat manfaat daripada PPK. PFI boleh mendapatkan kembali pinjaman yang tidak berbayar daripada peminjam tanpa perlu melalui proses mahkamah, yang bukan sahaja memakan masa yang panjang bahkan melibatkan kos yang tinggi. Sejak penubuhan AKPK, PFI telah berjaya mendapatkan kembali kira-kira RM4.5 bilion pinjaman tidak berbayar yang jika tidak dapat dikutip, akan dihapus kira. PFI juga mendapat manfaat daripada penjimatan fi yang perlu dibayar kepada agensi-agensi kutipan hutang, yang lazimnya antara 15% hingga 25% daripada jumlah yang diperoleh, berbanding dengan fi nominal sebanyak 3% yang perlu dibayar kepada AKPK.

Kesemua perkara di atas boleh dikaitkan dengan tiga peranan penting AKPK dalam menguruskan PPK: (i) mendapatkan sokongan dan persetujuan daripada PFI mengenai syarat-syarat penstrukturan semula hutang yang mampu dipenuhi oleh peminjam yang bermasalah; (ii) kaunseling pengurusan kewangan dan perubahan gaya hidup yang merupakan faktor kritikal untuk membantu peminjam agar boleh mengawal semula pembayaran hutang mereka; dan (iii) pemantauan dan tindakan susulan secara aktif terhadap peminjam yang lebih cenderung untuk tidak membayar balik hutang. Dalam usaha berterusan untuk membantu peserta PPK yang telah menyelesaikan hutang mereka sepenuhnya, AKPK sedang dalam proses melancarkan inisiatif program lepasan PPK untuk menyediakan bimbingan dan sokongan berterusan kepada peserta berkenaan. Inisiatif ini bertujuan menjejak perubahan tingkah laku secara sistematik dan memastikan amalan kewangan kekal positif.

Celik kewangan — pendidikan dan jangkauan kewangan yang merangkumi khalayak lebih ramai

Modul pendidikan kewangan AKPK direka khusus untuk menangani pelbagai keperluan dan keadaan pada peringkat kehidupan yang berlainan - daripada usia muda pada peringkat pengajian tinggi; memasuki alam pekerjaan dan memulakan hidup berkeluarga; hinggalah menjadi warga emas yang meniti usia persaraan. Program pendidikan kewangan juga bertujuan menangani cabaran tertentu yang dihadapi oleh golongan yang mudah terjejas dalam kumpulan pendapatan isi rumah 40% terendah (B40) dan pertengahan 40% (M40). Topik utama yang dibincangkan termasuklah kepentingan menyimpan wang dan cara-cara untuk menyimpan wang, menetapkan sasaran kewangan, memilih produk kewangan yang sepadan dengan keperluan dan sasaran, serta merancang perbelanjaan, pinjaman asas dan cara mengurus hutang.

Bahan-bahan berkaitan pendidikan kewangan yang diterbitkan oleh AKPK terdapat dalam empat bahasa utama dan sentiasa dikemas kini untuk memasukkan alat-alat pengurusan kewangan terkini dan juga hasil pemerhatian terhadap tingkah laku kewangan individu. Pendidikan kewangan yang dianjurkan oleh AKPK juga terus digiatkan pada peringkat universiti melalui modul Pengurusan Kewangan Peribadi yang diperkenalkan sebagai satu program elektif atau program kurikulum tambahan untuk mendidik golongan muda mengenai pengurusan kewangan peribadi yang berhemat sebelum memasuki alam pekerjaan. Sebanyak 34 buah institusi pengajian tinggi telah menerapkan modul Pengurusan Kewangan Peribadi AKPK dalam kurikulum pengajian masing-masing (Gambar Rajah 1).

Gambar Rajah 1

Modul Pendidikan Kewangan dan Penerbitan AKPK



Sumber: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit

Salah satu keutamaan AKPK ialah memastikan seluruh rakyat Malaysia boleh menggunakan perkhidmatan yang ditawarkannya. Menyedari bahawa inisiatif pendidikan kewangan seharusnya responsif terhadap individu daripada semua lapisan masyarakat dan fleksibel bagi individu untuk menerima maklumat pada masa dan melalui cara yang mereka pilih, AKPK memperkenalkan satu platform mikro dalam talian (ask.akpk.org.my). Portal pembelajaran dalam talian ini mengandungi nasihat dan panduan pendidikan kewangan, alat perancangan perbelanjaan dan kalkulator kewangan untuk membantu pengguna menguruskan kewangan mereka. AKPK juga telah mencari kaedah-kaedah baharu untuk menjangkau pengguna kewangan melalui platform digital seperti Facebook, Instagram dan YouTube, yang berjaya menarik lebih 10 juta penonton.

Tahap hutang yang tinggi — siapa dan mengapa?

Perancangan kewangan yang kurang baik terus menjadi penyebab utama peserta PPK gagal membayar hutang mereka (Gambar Rajah 2). Tanpa perancangan kewangan yang baik, seseorang individu berkemungkinan tinggi untuk berbelanja melebihi kemampuan dan menampung perbelanjaan tersebut dengan menambah hutang dalam jumlah yang banyak (Kes 1).

Kes 1

Mazyun dan Mazlan (bukan nama sebenar) merupakan pasangan muda yang telah berumah tangga dan masing-masing bekerja sebagai pereka dalaman dan eksekutif bank. Walaupun baru sahaja memulakan kerjaya mereka di bandar raya Kuala Lumpur, dan dengan sedikit simpanan yang ada, mereka mengambil jumlah pinjaman perumahan, pinjaman peribadi dan kad kredit yang agak banyak untuk membiayai gaya hidup mewah mereka. Hanya dalam tempoh empat tahun, mereka telah mengumpulkan hutang sebanyak RM1.2 juta yang perlu ditampung oleh jumlah gaji bersama mereka sebanyak RM20,000 sebulan.

Penamatan kontrak kerja Mazlan yang tidak diduga menyebabkan pasangan itu terjebak dalam masalah kewangan yang agak serius. Mazyun tidak dapat lagi meneruskan pembayaran balik pelbagai pinjaman mereka daripada satu sumber pendapatan sahaja.

Lebih 73% daripada peserta PPK mempunyai pendapatan bulanan yang rendah, iaitu di bawah RM4,000. Kebanyakan daripada mereka ini berhutang kerana simpanan yang ada tidak mencukupi, lantas menyebabkan mereka tidak dapat menampung perbelanjaan luar jangkaan yang tinggi seperti perbelanjaan perubatan yang tidak diduga. Keadaan ini menjadi lebih buruk apabila mereka terpaksa bergantung pada bentuk hutang yang lebih mahal seperti kad kredit dan pembiayaan peribadi untuk menangani isu-isu kewangan yang mencabar. Akibatnya, mereka mungkin terjerumus ke dalam kancah hutang yang lebih besar (Kes 2).

Kes 2

Azmi (bukan nama sebenar) bekerja sebagai penyelia kilang dengan pendapatan bulanan sebanyak RM3,000. Azmi telah berkahwin dan mempunyai tiga orang anak yang masih bersekolah. Azmi membayar balik pinjaman seperti yang dijadualkan, dan membelanjakan baki pendapatannya untuk percutian dalam negeri bersama keluarga.

Kesukaran kewangan Azmi bermula apabila isterinya jatuh sakit. Tanpa wang simpanan atau insurans sebagai sandaran, Azmi lantas mengambil pinjaman peribadi dan menggunakan kad kredit untuk membayar balik kos rawatan perubatan isterinya. Azmi yang bersusah payah membayar balik hutang dan menampung perbelanjaan keluarga, akhirnya gagal membayar hutangnya. Anak-anaknya terpaksa diberhentikan sekolah kerana Azmi tidak mampu membayar buku sekolah mereka.

Pada amnya, individu yang mempunyai kecenderungan untuk berbelanja di luar kemampuan berkemungkinan untuk menambah hutang dengan lebih banyak, yang jika tidak diurus dengan sewajarnya akan menyebabkan timbulnya masalah kewangan. Dalam hal ini, AKPK menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada individu yang dibebani hutang yang tinggi, terutamanya berkaitan keperluan untuk membuat perubahan gaya hidup. Kebanyakan daripada peserta PPK yang berjaya menamatkan program ini, diperhatikan telah berjaya mengubah tingkah laku mereka. Ini termasuk mempunyai tabiat menyimpan wang, menyediakan rancangan perbelanjaan isi rumah dan berbelanja dengan berhemat.

Kes 3

Ali (bukan nama sebenar) bekerja sebagai pengurus kewangan dengan sebuah syarikat insurans. Beliau mempunyai dua orang anak dengan pendapatan bulanan isi rumah bersih sebanyak RM5,500. Ali mengamalkan gaya hidup yang mewah tanpa perancangan kewangan untuk masa depan beliau. Hutang kad kredit dan hutang pembiayaan peribadinya secara keseluruhan berjumlah RM100,600 dengan bayaran balik bulanan berjumlah RM4,125. Beliau tidak mampu membayar hutang tersebut daripada gaji bulanannya sahaja.

Ali mendaftar untuk menyertai PPK pada tahun 2009. Sepanjang program ini, Ali menyesuaikan perbelanjaan isi rumahnya dengan mengurangkan perbelanjaan untuk makanan dan pakaian yang mahal. Perubahan gaya hidup ini telah membolehkan Ali membayar hutang tersebut. Beliau juga mampu memperuntukkan wang bagi tujuan insurans perubatan dan pendidikan anak-anak. Ali berjaya menamatkan PPK pada bulan Jun 2012, setahun lebih awal daripada tempoh PPK yang ditetapkan.

Akses lebih luas kepada perkhidmatan kewangan dan pasaran yang amat berdaya saing boleh menambahkan lagi cabaran yang dihadapi oleh seseorang individu. Secara khususnya, amalan institusi kewangan dalam mempromosikan produk kewangan mereka mungkin tidak sesuai untuk kumpulan pengguna yang tertentu. Oleh itu, adalah penting bagi setiap individu untuk mempunyai pengetahuan yang mencukupi bagi membuat keputusan kewangan yang bijak. Pengetahuan tentang kewangan juga menjadi lebih penting kerana ia boleh menjadi benteng kepada skim penipuan pelaburan yang kini semakin berleluasa.

Strategi dan pendekatan AKPK bertujuan untuk membuat intervensi yang ditumpukan pada individu yang mungkin lebih mudah terjejas oleh masalah kewangan. Oleh yang demikian, AKPK giat menganjurkan program di bandar-bandar utama. Pada tahun 2017, sebanyak 32% daripada program pendidikan kewangannya ditumpukan di kawasan Kuala Lumpur dan Putrajaya, manakala 84% aktiviti pendidikan dan kaunseling kewangan dikhususkan pada individu yang baru memulakan dan membina hidup berkeluarga.

Gambar Rajah 2

Profil Peserta PPK AKPK

Profil Peserta

Tahap pendapatan	73%	mempunyai **pendapatan isi rumah bulanan kurang daripada RM4,000** dengan simpanan terhad
Lokasi	64%	**tinggal di kawasan bandar** dengan kos sara hidup yang tinggi (seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor)
Kumpulan umur	40%	berumur **antara 30 hingga 40 tahun** dengan keluarga yang semakin membesar dan mempunyai pelbagai hutang (seperti pinjaman rumah, pinjaman kereta)
Pekerjaan	64%	**bekerja di sektor swasta** tanpa pilihan untuk membuat potongan gaji
Jenis pinjaman	93%	**mempunyai hutang tanpa cagaran** menerusi kad kredit atau pinjaman peribadi

Sebab Utama Pengumpulan Hutang Berlebihan

Perancangan kewangan yang kurang baik	43%	• Kurang pengetahuan mengenai pengurusan kewangan peribadi • Tidak membezakan antara keperluan dengan kehendak
Kejutan yang tidak dijangka	18%	• Kehilangan pekerjaan atau kematian pencari nafkah • Perbelanjaan perubatan yang tidak dijangka
Simpanan terhad	18%	• Tidak dapat menampung kos sara hidup apabila perniagaan gagal atau merosot, atau apabila aliran pendapatan menjadi tidak stabil
Perbelanjaan untuk gaya hidup	7%	• Berbelanja melebihi kemampuan
Penipuan kewangan	4%	• Mengambil pembiayaan untuk melabur dalam skim kewangan yang menjanjikan pulangan tinggi yang tidak munasabah

Sumber: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit

Perkara yang Menjadi Keutamaan Pada Masa Hadapan

Strategi kebangsaan untuk meningkatkan celik kewangan

Strategi kebangsaan sedang dirumuskan oleh Jaringan Pendidikan Kewangan (FE Network)[1] untuk meningkatkan celik kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia. Sebagai ahli FE Network, AKPK akan menyelaraskan bersama-sama rakan-rakan dalam FE Network ini, untuk menjajarkan serta mempertingkatkan jangkauan dan impak program pendidikan kewangan yang disasarkan kepada golongan muda dan dewasa yang bekerja. Pendekatan baharu untuk mengukur keberkesanan program-program tersebut juga akan dilaksanakan.

Pendekatan holistik bagi pemulihan kewangan — melangkaui pinjaman bank

Sejak tahun 2014, perkhidmatan AKPK telah diperluas untuk mencakupi individu yang mempunyai pinjaman bukan sahaja daripada institusi kewangan yang dikawal selia Bank tetapi juga daripada beberapa institusi kewangan bukan bank yang besar seperti Malaysia Building Society Berhad, koperasi kredit dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Langkah ini dijangka membolehkan AKPK menyediakan penyelesaian kewangan yang lebih komprehensif kepada peminjam, serta meningkatkan jumlah individu yang boleh mendapatkan perkhidmatannya. Pada masa hadapan, usaha akan terus dijalankan untuk memperluas liputan PPK bagi menjangkaui pelanggan institusi kredit bukan bank yang lain. Langkah ini juga selaras dengan pelantikan AKPK baru-baru ini sebagai penama skim Perkiraan Sukarela (mekanisme penyelamat untuk mengelakkan individu daripada diisytiharkan muflis), di bawah Akta Insolvensi 1967 (Akta Kebankrapan (Pindaan) 2017). Sebagai penama yang dilantik, AKPK akan mengendalikan proses untuk memberi peluang kepada pengguna kewangan menyusun semula dan/atau menjadualkan semula hutang mereka bagi mengelakkan mereka daripada diisytiharkan muflis.

Kesimpulan

Memandangkan individu kini lebih mudah mendapat akses kepada pembiayaan, adalah mustahak juga bagi mereka mengamalkan budaya kewangan yang berhemat dan bertanggungjawab. Dalam hal ini, AKPK memainkan peranan yang penting, bukan sahaja untuk membantu peminjam yang bermasalah tetapi juga untuk menggalakkan celik kewangan yang lebih tinggi dalam kalangan rakyat Malaysia. AKPK sentiasa beriltizam untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai sikap dan tingkah laku pengguna kewangan, dan memperkukuh kedudukannya yang strategik sebagai penasihat kewangan yang boleh dipercayai dalam ekosistem kewangan. Ini bagi membolehkan AKPK membantu lebih banyak individu menggunakan perkhidmatan kewangan dengan berkesan bagi meningkatkan kesejahteraan hidup mereka serta menyumbang kepada kestabilan kewangan negara secara keseluruhan.

[1] FE Network terdiri daripada Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, AKPK dan Permodalan Nasional Berhad. FE Network berfungsi sebagai platform antara agensi untuk meningkatkan impak inisiatif pendidikan kewangan dan mengenal pasti peluang baharu untuk meningkatkan celik kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia melalui penjajaran yang lebih baik, kerjasama yang lebih erat dan tumpuan yang kukuh terhadap penilaian impak.